

Dr Wan Azizah minta ahli parti henti bangkit isu bakal PM

Kuala Lumpur: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail meminta kepemimpinan dan ahli parti dalam Pakatan Harapan (PH) berhenti membangkitkan isu peralihan kuasa Perdana Menteri.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Presiden PH berkata, isu mengenai bakal Perdana Menteri bagi menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sudah diputuskan dalam perjanjian antara parti komponen PH sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) lalu.

“Saya kira isu ini tidak timbul kerana sudah ada perjanjian. Dulu sebelum PRU, kita katakan Perdana Menteri susulan (Datuk Seri Anwar Ibrahim). Itulah yang dijanjikan.

“Isu ini tidak timbul tapi dibangkit-bangkitkan menjadi isu. Patutnya, kita ada isu lain, isu nak perbetulkan negara kita, kita nak perbaiki, sudahlah. Isu itu (peralihan kuasa) sudah selesai. Kita sudah ada perjanjian,” katanya yang juga Pengerusi Majlis Penasihat PKR.

Dr Wan Azizah berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Yayasan MySTEMI di sini semalam.

Ditanya sama ada isu peralihan kuasa berkenaan akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Presiden PH akan datang, Dr Wan Azizah berkata:

“Saya fikir perkara itu telahpun dipersetujui... apa lagi yang hendak dibincangkan?”.